



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
No. 3

16hb Januari 2025

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 62 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis:

The following Enactment, passed by the Perlis State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Ruler, is published pursuant to Clause (3) of Article 62 of the Laws of the Constitution of Perlis:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A72	Enakmen Perbelanjaan Negeri Tahun 2025 Supply Enactment 2025
Enakmen A73	Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2024 Criminal Offences in the Syarak (Amendment) Enactment 2024
Enakmen A74	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) (No. 2) 2024 Administration of the Religion of Islam (Amendment) (No. 2) Enactment 2024



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A72

ENAKMEN PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2025

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 6 Januari 2025

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 16 Januari 2025

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen A72****ENAKMEN PERBELANJAAN NEGERI TAHUN 2025**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

6 Rejab 1446
6 Januari 2025

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbelanjaan Negeri Tahun 2025.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2025

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh Enam Juta Lima Ratus Ribu (RM166,500,000.00) daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2025 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B01 ...	Pejabat D.Y.M.M. Tuanku Raja Perlis	5,263,500.00
B02 ...	Dewan Undangan Negeri	30.00
B04 ...	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	55,507,800.00
B05 ...	Pelbagai Perkhidmatan	5,685,200.00
B06 ...	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3,772,700.00
B07 ...	Pejabat Perbendaharaan Negeri (Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun)	8,238,200.00
B09 ...	Jabatan Kerja Raya	25,785,100.00
B11 ...	Jabatan Pertanian	6,977,500.00
B12 ...	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4,154,800.00
B13 ...	Jabatan Pengairan dan Saliran	14,836,700.00
B14 ...	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1,298,900.00
B15 ...	Jabatan Kebajikan Masyarakat	8,971,200.00
B16 ...	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	6,448,800.00
B17 ...	Jabatan Mufti	1,926,100.00

Perbelanjaan Negeri

5

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
B18 ...	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2,691,300.00
B19 ...	Pejabat Pembangunan Negeri	697,100.00
B23 ...	Jabatan Perhutanan	4,666,200.00
B25 ...	Jabatan Tanah dan Galian	8,669,100.00
B31 ...	Jabatan Pendakwaan Syariah	909,760.00
B57 ...	Membeli Tanah	10.00
JUMLAH		166,500,000.00

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 12 Disember 2024.

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A72

SUPPLY ENACTMENT 2025

Date of Royal Assent	...	...	...	6 January 2025
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 January 2025

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment A72****SUPPLY ENACTMENT 2025**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

6 January 2025
6 Rejab 1446

An Enactment to apply a sum from the Consolidated Fund of the State for the service of the year 2025 and to appropriate that sum for the service of that year.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Supply Enactment 2025.
- (2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2025.

Issue and appropriation for the service of the year 2025

2. The issue of a sum not exceeding Ringgit Malaysia One Hundred Sixty Six Million Five Hundred Thousand (RM166,500,000.00) from the Consolidated Fund of the State for the service of the year 2025 is hereby authorized and that sum is appropriated for purposes specified in the Schedule:

SCHEDULE

Purpose	Title	Amount (RM)
B01 ...	Office of His Royal Highness Raja of Perlis	5,263,500.00
B02 ...	State Legislative Assembly	30.00
B04 ...	Menteri Besar and State Secretary Office	55,507,800.00
B05 ...	Miscellaneous Services	5,685,200.00
B06 ...	State Treasury Office	3,772,700.00
B07 ...	State Treasury Office (Contribution to Statutory Fund)	8,238,200.00
B09 ...	Public Works Department	25,785,100.00
B11 ...	Agriculture Department	6,977,500.00
B12 ...	Department of Veterinary Services	4,154,800.00
B13 ...	Drainage and Irrigation Department	14,836,700.00
B14 ...	Town and Country Planning Department	1,298,900.00
B15 ...	Social Welfare Department	8,971,200.00
B16 ...	Islamic Religious Affairs Department	6,448,800.00
B17 ...	Mufti Department	1,926,100.00
B18 ...	Syariah Judiciary Department	2,691,300.00
B19 ...	State Development Office	697,100.00

Supply

5

Purpose	Title	Amount
		(RM)
B23	... Forestry Department	4,666,200.00
B25	... Land and Mines Department	8,669,100.00
B31	... Syariah Prosecution Department	909,760.00
B57	... Purchase of Land	10.00
TOTAL		<u>166,500,000.00</u>

Passed in the State Legislative Assembly this 12 December 2024.
[SUK.Ps 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A73

ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK (PINDAAN) 2024

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 6 Januari 2025

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 16 Januari 2025

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen A73****ENAKMEN JENAYAH DALAM SYARAK (PINDAAN) 2024**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja Perlis

6 Rejab 1446
6 Januari 2025

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 [*Enakmen 4 Tahun 1993*].

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2024.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pindaan Am

2. Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 [*Enakmen 4 Tahun 1993*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, 1963” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*]”.

Pindaan Seksyen 2

3. Enakmen ibu ini dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memotong takrif “Kadi” dan “Kerajaan”; dan

(b) dalam takrif “mahkamah” dengan menggantikan perkataan “Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991” perkataan “Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*]”.

Pindaan Seksyen 32

4. Seksyen 32 Enakmen ibu dipotong.

Pindaan Seksyen 39

5. Seksyen 39 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara, selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya” perkataan “denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara, selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya”.

Pindaan Seksyen 43

6. Seksyen 43 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk atau mempersenda” perkataan “mencela, mengejek, mencemuh, mencerca, mengutuk, mempersenda, menghasut, mengingkari, melanggar atau mempertikai”.

Pindaan Seksyen 47

7. Seksyen 47 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan dengan memotong perkataan “Enakmen Acara Jenayah Syariah 1988” dan “Kadi dan Jawatankuasa Ulang Bicara”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “Pegawai Masjid” perkataan “officers of the Court, *Pegawai Masjid*”.

Pindaan Seksyen 50

8. Seksyen 50 Enakmen ibu dipotong.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 12 Disember 2024.

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A73

CRIMINAL OFFENCES IN THE SYARAK (AMENDMENT) ENACTMENT 2024

Date of Royal Assent	...	...	...	6 January 2025
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 January 2025

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment A73****CRIMINAL OFFENCES IN THE SYARAK (AMENDMENT)
ENACTMENT 2024**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

6 January 2025
6 Rejab 1446

An Enactment to amend the Criminal Offences in The *Syarak* Enactment 1991 [*Enactment No. 4 of 1993*].

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Criminal Offences in The *Syarak* (Amendment) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2025.

General amendment

2. The Criminal Offences in The *Syarak* Enactment 1991 [*Enactment No. 4 of 1993*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for the words “Administration of Muslim Law Enactment 1963” wherever appearing the words “Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*]”.

Amendment of section 2

3. (1) Section 2 of the principal Enactment is amended—

(a) by deleting the definition of “Kadi” and “Government”;
and

(b) in the definition of “Court”, by substituting for the words “Administration of Syariah Court Enactment 1991” the words “Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*]”.

Amendment of section 32

4. Section 32 of the principal Enactment is deleted.

Amendment of section 39

5. Section 39 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “fine not exceeding three thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both” the words “fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both”.

Amendment of section 43

6. Section 43 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “to insult, deride, mock, abuse, curse or make fun of” the words “to insult, deride, mock, abuse, curse, make fun of, incite, disobey, breach or dispute”.

Amendment of section 47

7. Section 47 of the principal Enactment is amended—

(a) in national language text by deleting the words “dan Enakmen Acara Jenayah Syariah 1988” and “Kadi dan Jawatankuasa Ulang Bicara”;

(b) in English language text by substituting for the words “Pegawai Masjid” the words “officers of the Court, *Pegawai Masjid*”.

Amendment of section 50

8. Section 50 of the principal Enactment is deleted.

Passed in the State Legislative Assembly this 12 December 2024.
[SUK.Ps. 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis



UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS

Enakmen A74

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PINDAAN) (NO. 2) 2024**

Tarikh Persetujuan DiRaja ... 6 Januari 2025

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 16 Januari 2025

UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS**Enakmen A74****ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(PINDAAN) (NO. 2) 2024**

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
*Raja Perlis*6 Rejab 1446
6 Januari 2025

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*].

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) (No. 2) 2024.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pindaan Seksyen 2

2. (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dalam takrif “Pegawai Masjid” dengan menggantikan perkataan “dan Pembantu Bilal” dengan perkataan “, Siak dan Penjaga Kawasan”;

(b) dengan memasukkan selepas tafsiran “Pendakwa Syarie” tafsiran berikut—

‘ “Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis yang dilantik di bawah subseksyen 16A(1)’.

Seksyen baharu 16A

3. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 16 seksyen baharu 16A yang berikut:

“Pelantikan Pengarah

16A. (1) Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis.

(2) Pengarah hendaklah mematuhi dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis.

Seksyen baharu 53A

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 53 seksyen baharu 53A yang berikut—

“Pelindungan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa

53A. Tiada seorang pun Mufti atau Jawatankuasa Fatwa boleh diambil tindakan di mana-mana Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil bagi sesuatu perbuatan yang dilakukan

atau diputuskan dalam menjalankan tugas menyediakan suatu fatwa, dengan syarat bahawa fatwa itu diputuskan dengan suci hati dan berlandaskan kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini”.

Pindaan Seksyen 61

5. Perenggan 61(3)(b) Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula subperenggan (xii) sedia ada kepada subperenggan (xiii); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (xi) subperenggan baharu (xii) yang berikut:

“(xii) pengambilan dan pendaftaran anak angkat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya”.

Pindaan Seksyen 79

6. Seksyen 79 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen (2) baharu yang berikut:

“(2) Majlis boleh menetapkan pakaian seragam dan tatacara yang berkaitan bagi Pegawai Penguat kuasa Agama yang dilantik di bawah subseksyen (1)”.

Pindaan Seksyen 97

7. Subseksyen 97(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun” perkataan “tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun”.

Pindaan Seksyen 100

8. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 100 dengan seksyen yang berikut—

“Pelantikan Pegawai Masjid

100. (1) Majlis hendaklah melantik beberapa orang Pegawai Masjid bagi tiap-tiap masjid dalam Negeri Perlis.

(2) Bagi tiap-tiap masjid yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah selepas berunding dengan Majlis dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Masjid hendaklah dilantik daripada kalangan pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis.

(3) Bagi tiap-tiap masjid yang tidak ditetapkan di bawah subseksyen (2), Pegawai Masjid boleh dilantik daripada kalangan ahli kariah masjid itu atau daripada luar kalangan kariah masjid tertakluk pada pertimbangan Majlis.

(4) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, tiap-tiap orang yang sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa telah menjadi Pegawai Masjid di mana-mana masjid di bawah Enakmen ini hendaklah disifatkan telah dilantik dengan sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Pegawai Masjid masjid itu dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 102, terus memegang jawatan sebagai Pegawai Masjid masjid itu.

Pindaan Seksyen 101

9. Subseksyen 101(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “subseksyen 100(5)” perkataan “subseksyen 100(4)”.

Pindaan Seksyen 102

10. (1) Seksyen 102(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan seksyen yang berikut—

“(1) Pelantikan seseorang Pegawai Masjid, selain pelantikan di bawah subseksyen 100(2), boleh ditamatkan dengan notis bertulis oleh Majlis”.

(2) Subseksyen 102(2) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “subseksyen 100(5)” perkataan “subseksyen 100(4)”.

Pindaan Seksyen 103

11. Subseksyen 103(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Imam, Bilal dan Pembantu Bilal” perkataan “Pegawai Masjid”.

Seksyen baharu 119A

12. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 119 seksyen baharu 119A yang berikut—

“Bersubahat

119A. Mana-mana orang yang cuba melakukan, atau bersubahat melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini adalah melakukan kesalahan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman yang sama seolah-olah dia melakukan kesalahan yang sedemikian”.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 12 Disember 2024.

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis*



LAWS OF THE STATE OF PERLIS

Enactment A74

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(AMENDMENT) (NO. 2) ENACTMENT 2024**

Date of Royal Assent	...	...	...	6 January 2025
Date of publication in the <i>Gazette</i>	...	...	...	16 January 2025

LAWS OF THE STATE OF PERLIS**Enactment A74****ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(AMENDMENT) (NO. 2) ENACTMENT 2024**

I ASSENT,

(STATE SEAL)

SYED SIRAJUDDIN
JAMALULLAIL
Raja of Perlis

6 January 2025
6 Rejab 1446

An Enactment to amend Administration of the Religion of Islam
Enactment 2006 [*Enactment 4*].

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (Amendment) (No. 2) Enactment 2024.

(2) This Enactment shall come into operation on 1 January 2025.

Amendment of section 2

2. (1) The Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in subsection 2(1)—

(a) in the definition of “*Pegawai Masjid*”, by substituting for the words “and *Pembantu Bilal*” the words “, *Siak* and Area Custodian”;

(b) by inserting after the definition of “*Syarie Prosecutor*” the following definition—

‘ “Director” means Director of Islamic Religious Affair Department of Perlis appointed under section 16A(1)’.

New section 16A

3. The principal Enactment is amended by inserting after section 16 new section 16A as follows—

“Appointment of the Director

16A. (1) Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, after consulting with the Majlis, may appoint any fit and proper person to be the Director of Islamic Religious Affair Department of Perlis.

(2) The direct shall comply with the policies and resolutions of the Majlis.

New section 53A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 53 new section 53A as follows—

“Protection of the Mufti and the *Fatwa* Committee

53A. No person of the Mufti or the *Fatwa* Committee shall be subject to action in any *Syariah* Court or Civil Court for any act done or decision made in the performance of their

duties in issuing a *fatwa*, provided that the *fatwa* is made in good faith and based on the authority granted under this Enactment”.

Amendment of section 61

5. (1) Paragraph 61(3)(b) of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing subparagraph (xii) as subparagraph (xiii); and

(b) by inserting after subparagraph (xi) the following subparagraph—

“(xii) Adoption and registration of adopted children and related matters”.

Amendment of section 79

6. Section 79 of the principal Enactment is amended—

(a) by renumbering the existing section as subsection (1); and

(b) by inserting after the renumbered subsection (1) the following subsection—

“(2) The Majlis may prescribe the uniform and related procedures for Religious Enforcement Officers appointed under subsection (1)”.

Amendment of section 97

7. Subsection 97(2) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “not exceeding three thousand ringgit or to imprisonment for term not exceeding one year” the words “not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for term not exceeding three years”.

Amendment of section 100

8. The principal Enactment is amended by substituting section 100 new section as follows—

“Appointment of *Pegawai Masjid*

100. (1) The Majlis shall appoint several *Pegawai Masjid* for each mosque in the state of Perlis.

(2) For every mosque that is determines by Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah after consulting the Majlis and the State Executive Council, the *Pegawai Masjid* shall be appointed from amongst members of the State public service Perlis.

(3) For every mosque that is not determined under subsection (2), the *Pegawai Masjid* may be appointed from amongst the *ahli kariah* of the mosque or from outside the *kariah* of the mosque subject to the discretion of the Majlis.

(4) Upon the commencement of this section, every person who, immediately before the commencement of this section, has been appointed as the *Pegawai Masjid* in any mosque under this Enactment shall be deemed to have been duly appointed under this section to be the *Pegawai Masjid* of such mosque and shall, subject to section 102, continue to hold office as the *Pegawai Masjid* of such mosque”.

Amendment of section 101

9. Subsection 101(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “subsection 100(5)” the words “subsection 100(4)”.

Amendment of section 102

10. (1) Section 102 of the principal Enactment is amended by substituting subsection (1) the following subsection—

“(1) The appointment of the *Pegawai Masjid*, other than an appoinment under subsection 100(2), may be terminated by written notice from the Majlis”.

(2) Subsection 102(2) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “subsection 100(5)” the words “subsection 100(4)”.

Amendment of section 103

11. Subsection 103(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “*Imam, Bilal and Pembantu Bilal*” the words “*Pegawai Masjid*”.

New section 119A

12. The principal Enactment is amended by inserting after section 119 new section 119A as follows—

“Abets

119A. Any person who attempts to commit, or abets to commit, any offense punishable under this Enactment shall be deemed to have committed an offense and shall be liable to the same penalty as if they had committed such an offense”.

Passed in the State Legislative Assembly this 12 December 2024.
[SUK.Ps. 05/392 Jld. 9]

MOHAMMAD AFIFI BIN OTHMAN @ OMAR
Secretary of the State Legislative Assembly
Perlis

